

**TEKS UCAPAN**  
**PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MPSP**

**DI MAJLIS TAKLIMAT PROGRAM KITAR SEMULA MPSP**

**UNTUK PENDUDUK-PENDUDUK PANGSA PPR**

**AMPANGAN PADA 8 MEI 2011 DI DEWAN ORANG**

**RAMAI, PANGSA PPR AMPANGAN, AMPANG JAJAR, SPT**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berusaha **Encik Johari Bin Kassim, Encik Soon Lip Chee, Encik Md. Jamil Bin Abd. Rahman, Encik Ahmad Farid Bin Md. Arshad dan Encik Amir Bin Md. Ghazali**  
Ahli-Ahli Majlis MPSP

**Yang Berbahagia Encik Mat Nasir Bin Hassan**

Timbalan Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta selaku  
penganjur program taklimat pada pagi ini

**Yang Berbahagia Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar**

Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan  
Pengurusan Harta

**Yang Berbahagia En. Chew Eng Seng** selaku penceramah  
untuk sessi taklimat pada pagi ini

**Yang Berbahagia En. Shen Set Ho** Pengarah Urusan  
Tetuan CI Green juga selaku penceramah untuk sessi  
taklimat pada pagi ini

**Yang Berbahagia Cik Zarina Binti Zainol**

Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta selaku pegawai yang bertanggungjawab menjaga hal-ehwal pengurusan rumah pangsa ini

**Yang Berbahagia Encik Mohammad Noor Bin Che Man @**

**Harun** Pengurus IM Global Property Consultants selaku ejen pengurusan bangunan

**Yang Berbahagia Encik Mohd. Sharif Bin Ahmad** selaku

Pengerusi Pasukan Kerja LA 21 Pangsa PPR Ampangan

AJK-AJK Pasukan LA 21 Pangsa PPR Ampangan, rakan-rakan media, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan

untuk sama-sama menghadiri *Taklimat Program Kitar Semula* pada hari ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada *Urusetia Majlis Taklimat Program Kitar Semula* yang telah berusaha menjayakan program pada pagi ini.
3. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini dan seterusnya merasmikan Program Taklimat Kitar Semula pada hari ini. Ini merupakan kali pertama saya sebagai Yang Dipertua MPSP berpeluang datang ke Pangsa PPR Ampangan selepas menerima watikah perlantikan pada 17 Mac 2011. Syukur Alhamdulillah, daripada

pengamatan saya, penyewa-penyewa di sini diberi tempat tinggal yang selesa untuk didiami.

4. Difahamkan terdapat 250 unit kediaman yang disediakan di sini beserta sebuah dewan orang ramai yang menjadi tempat kita berkumpul pada pagi ini, sebuah kiosk kedai runcit, sebuah kiosk pusat aktiviti pasukan LA21 Pangsa PPR Ampangan dan sebuah pejabat pengurusan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Saya difahamkan, sewa adalah RM100 sebulan. Oleh itu, kutipan yang diterima sebanyak RM100 sebulan daripada setiap penyewa disalurkan sepenuhnya untuk penyelenggaraan dan pengurusan rumah pangsa ini. MPSP juga menambah peruntukan sendiri bagi menampung semua kos di atas. Oleh itu, kerjasama

tuan-tuan dan puan-puan diminta untuk membuat bayaran seperti yang termaktub dalam perjanjian sewaan bagi memastikan bangunan ini terurus dengan baik. Jika penyewa-penyewa gagal membuat bayaran sewa bulanan pada tarikh yang ditetapkan maka kutipan untuk menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan akan berkurangan dan di masa-masa akan datang ia mungkin akan menjaskan mutu penyenggaraan bangunan ini.

6. MPSP menanggung perbelanjaan kira-kira RM30,000 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan pengurusan Pangsa PPR Ampangan ini demi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kos ini tidak termasuk kos-kos pembaikan bangunan jika berlaku kerosakan besar. Pada masa ini, tunggakan penyewaan di sini berada pada paras RM39,000 dan hal ini membimbangkan

MPSP kerana keadaan ini jika berterusan akan memberikan kesan yang buruk kepada pengurusan dan penyenggaraan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

7. Sepertimana pemuafakatan yang saya sentuh tadi berhubung tanggungjawab menjelaskan bayaran sewa di pihak penyewa dan perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan yang dilaksanakan di pihak MPSP, program pada pagi ini juga menuntut adanya kefahaman dan kerjasama di antara MPSP dan penduduk bagi menjayakan Program Kitar Semula. Melalui kerjasama yang erat inilah, hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetetif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

8. Dengan adanya program yang seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran di kalangan rakyat Seberang Perai khasnya di Pangsa PPR Ampangan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

9. Di MPSP, kadar kutipan sisa pepejal bagi tahun 2010 adalah berjumlah 426,000 tan setahun atau bersamaan 1,167 tan atau 1,167,000 kilogram sehari.

### KADAR KITAR SEMULA DI SEBERANG PERAI (2001 - 2010)

Year	Waste Per Year (metric tons)	Waste Per Day (metric tons)	Recycling Weight (Metric Tons)	Total Waste Generated (Metric Tons)	Recyling Rate	Remarks
	( A )	( B )	( C )	( D ) = (A+C )	( C/D )	
1997	243,702	668				
1998	279,343	765				
1999	313,712	859				
2000	332,126	910				
2001	394,988	1.82	20	395,008	<b>0.01%</b>	
2002	467,917	1282	260	468,177	<b>0.06%</b>	
2003	431,871	1183	24,858	456,729	<b>5.44%</b>	
2004	442,506	1212	93,777	536,283	<b>17.49%</b>	
2005	416,254	1140	96,032	512,286	<b>18.75%</b>	
2006	463,750	1,270	119,964	583,714	<b>20.05%</b>	
2007	490,729	1,342	125,504	617,575	<b>20.32%</b>	
2008	472,005	1,293	124,121	564,941	<b>20.82%</b>	
2009	428,563	1,186	132,039	560,602	23.55%	
2010	426,152.29	1,167.54	129,804.44	555,956.73	23.35%	

Pada tahun 2010, MPSP telah mencapai 23.35 % kadar kitar semula. Sekiranya diambil kira peningkatan kadar dari tahun 2007 hingga 2010, ianya merupakan peningkatan kira-kira 3% dan secara puratanya kira-kira 1% setahun. MPSP dijangka boleh mencapai kadar sebanyak 25% pada tahun 2012 dan seterusnya

mencapai sasaran 30% pada tahun 2017 iaitu lebih awal dari sasaran KPKT pada tahun 2020.

Pada tahun 2010, MPSP telah membelanjakan RM 42.6 juta untuk menguruskan kerja-kerja pembersihan, kutipan dan pelupusan sisa pepejal di Seberang Perai.

Pada tahun 2010, MPSP telah berjaya mengitar semula sebanyak 355 tan sehari dan secara keseluruhannya pada 129,804.44 tan setahun.

Dengan kadar ini, MPSP telah menjimatkan sebanyak RM2,206,675.48 kos melupuskan sisa pepejal atau sebanyak RM17.00 bagi setiap tan sisa pepejal.

Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula samada di rumah, pejabat, industri dan lain-lain kemudahan, maka kadar ini dapat ditingkatkan dan sekaligus MPSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit.

Hasil daripada penjimatan ini, MPSP sudah pasti dapat

membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.

10. Tanpa kita menjayakan program kitar semula, penjanaan sisa pepejal akan terus meningkat apabila Seberang Perai terus berkembang maju selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk. Beban kewangan MPSP juga akan meningkat apabila ia perlu mencari kaedah terbaik untuk melupuskan sisa pepejal yang semakin meningkat dan keperluan untuk mematuhi syarat penjagaan alam sekitar yang semakin ketat.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

11. Kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan buangan diproses

dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Bahan-bahan seperti kaca, besi, plastik dan kertas dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baru. Hasil penjualan bahan kitar semula ini seterusnya dapat menjadi sumber pendapatan yang pulangannya akan berbalik kepada penduduk di kawasan tersebut. Hari ini kita berpeluang mengikuti taklimat oleh En. Chew Eng Seng mengenai kitar semula dan taklimat mengenai kitar semula dan kompos oleh Pengarah Urusan Tetuan CI Green.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

12. Pada masa kini, aktiviti-aktiviti kitar semula semakin banyak dilaksanakan oleh pelbagai peringkat

masyarakat. Ini sebenarnya merupakan suatu petanda yang positif di mana kebanyakan masyarakat Malaysia bukan sahaja sudah mempunyai rasa tanggungjawab malah telah mula bertindak untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula.

13. Di dalam hal ini, MPSP komited untuk melihat program kitar semula dilaksanakan dengan jayanya di Seberang Perai. Usaha-usaha ke arah memperbanyakkan program-program kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan kitar semula akan dipergiatkan lagi. Ini selaras dengan seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan *Program 3P iaitu Pendidikan, Penguatkuasaan dan Penghargaan demi menjayakan Inisiatif Pulau Pinang Yang Lebih Bersih, Lebih Hijau (Cleaner, Greener Penang Initiative)*. Program ini disasarkan bagi memulihkan kembali persekitaran hidup ke arah sebuah bandar yang bersih

dan hijau serta untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk. Inisiatif ini turut melibatkan kerjasama di antara tiga (3) pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan masyarakat. Jadi program yang dilaksanakan pada pagi ini memang secara jelas menekankan aspek *P* yang pertama iaitu pendidikan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat kaedah pelaksanaan program kitar semula ini nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

14. Bagi memastikan program ini bukanlah satu program bermusim, maka selepas sesi taklimat kitar semula, perbincangan untuk mewujudkan Pelan Tindakan Kitar Semula di Pangsa PPR Ampangan ini akan diadakan. Dengan adanya pelan tindakan ini maka aktiviti kitar semula akan dapat dijalankan secara berterusan

dengan lebih sistematik dan sasaran pencapaian dapat ditentukan.

15. Adalah diharapkan, dengan adanya Jawatankuasa LA21 Pangsa PPR Ampangan bersama-sama ejen pengurusan Tetuan IM Global Property Consultants dan diterajui oleh MPSP dan sokongan daripada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini akan dapat menyediakan pelan tindakan kitar semula bagi Pangsa PPR Ampangan seterusnya menjayakan program kitar semula serta meningkatkan mutu kebersihan Pangsa PPR Ampangan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

16. Akhir kata, saya menyeru semua warga penduduk Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar dan penduduk-penduduk di Seberang Perai untuk bersama-sama

menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MPSP, menggembung tenaga dalam menjayakan Program Kitar Semula di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai khususnya kawasan Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula ini. Semoga maklumat yang disampaikan ini serta taklimat yang akan diberikan nanti dapat disalurkan kepada rakan-rakan kita yang tidak dapat hadir pada pagi ini dalam merealisasikan program ini secara berterusan agar kita dapat menjadikan tempat

tinggal kita ini selamat dan selesa untuk didiami kini  
dan di masa hadapan.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya  
saya merasmikan program *Majlis Taklimat Program*  
*Kitar Semula*, Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar,  
SPT.

**Sekian, terima kasih.**